

NO. SOALAN : 430

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

SOALAN : 430

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta
PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah rumah
PR1MA yang dirancang untuk dibangunkan di Pulau Pinang
dan apakah status pelaksanaannya setakat ini.**

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 19,966 unit kediaman untuk dibina di Negeri Pulau Pinang iaitu di kawasan Tasek Gelugor, Balik Pulau, Bukit Gelugor, Permatang Pauh dan Bukit Bendera. Kesemua projek – projek ini berada dalam pelbagai peringkat perancangan dan pembinaan. PR1MA menjangkakan lebih banyak projek kediaman untuk disediakan di Pulau Pinang pada masa hadapan.

Lokasi pembangunan PR1MA mengambil kira permintaan pemohon di sesuatu kawasan. Dalam urusan ini, Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA menjadi salah satu panduan untuk membantu dalam mengetahui permintaan pemohon. Selain itu, PR1MA bersedia untuk mengadakan rundingan dan perbincangan bersama Kerajaan Negeri dan PBT bagi sebarang cadangan berkenaan pembangunan PR1MA di Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.